



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

# POLISI PEMBERI MAKLUMAT

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN



# KANDUNGAN



# 1. TAFSIRAN

**“Kelakuan Tidak Wajar (KTW)”** ertinya apa-apa kelakuan yang jika terbukti, menjadi suatu kesalahan tatatertib atau kesalahan jenayah, termasuk tetapi tidak terhad kepada penyalahgunaan kuasa, ketidakadilan, konflik kepentingan, perbuatan melanggar prosedur dan perbuatan tidak beretika.

**“Kesalahan tatatertib”** ertinya semua kesalahan tatatertib yang telah diperuntukkan di Peraturan 3 hingga 12, Bahagian II, Jadual Kedua, [Seksyen 5], Peraturan-Peraturan Tatatertib Badan-Badan Berkanun, Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 [Akta 605].

**“Maklumat sulit”** termasuklah -

- a** maklumat tentang identiti, alamat kediaman, alamat kerja atau tempat beradanya -
  - (i) seseorang Pemberi Maklumat; dan
  - (ii) seseorang yang terhadapnya seseorang pemberi maklumat telah membuat pendedahan kelakuan tidak wajar;
- b** maklumat yang didedahkan oleh seseorang Pemberi Maklumat; dan
- c** maklumat yang, jika didedahkan, boleh menyebabkan mudarat kepada mana-mana orang.

**“Pemberi Maklumat”** ertinya mana-mana orang yang membuat pendedahan KTW kepada Universiti.

**“Universiti”** ertinya Universiti Malaysia Kelantan.

**“Warga Universiti”** ertinya seseorang yang diambil bekerja secara tetap, sementara atau kontrak dan dibayar emolumen oleh Universiti termasuk pegawai Universiti yang dipinjamkan ke mana-mana organisasi lain dan pelajar Universiti.

## 2. PERNYATAAN POLISI

**2.1**

Universiti bertekad untuk mengamalkan sistem pengurusan dan tadbir urus yang mantap, profesional, beretika dan berintegriti. Justeru, Universiti komited kepada nilai-nilai keterbukaan, ketelusan, integriti, kesaksamaan dan kebertanggungjawaban dalam mengendalikan aduan berhubung KTW di Universiti.

**2.2**

Polisi ini diwujudkan sebagai satu mekanisma dalaman bagi memudahkan Pemberi Maklumat mendedahkan mengenai KTW dan untuk memberikan perlindungan kepada Pemberi Maklumat dari sebarang tindakan yang memudaratkan akibat daripada aduan mengenai KTW yang dibuatnya dan melindungi maklumat sulit Pemberi Maklumat.

**2.3**

Polisi ini diwujudkan selaras dengan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 [Akta 711], Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 [Akta 605], Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan mana-mana undang-undang berkaitan yang berkuatkuasa.

### **3. PEMAKAIAN POLISI**

**3.1**

Polisi ini terpakai ke atas semua warga Universiti. Polisi ini juga boleh dijadikan panduan oleh rakan strategik / pemegang taruh atau mana-mana individu / organisasi ketika berurusan dengan warga Universiti.

**3.2**

Polisi ini tidak mengurangkan mana-mana peraturan, arahan, tatacara dan garis panduan sedia ada yang berkuat kuasa di Universiti.

**3.3**

Polisi ini tidak terpakai bagi aduan seperti, tetapi tidak terhad kepada aduan bersifat rungutan peribadi mengenai terma dan syarat perkhidmatan, penilaian prestasi, pampasan atau lain-lain aspek hubungan kerja individu. Ianya hendaklah dikendalikan berdasarkan kepada prosedur dan polisi sedia ada yang berkaitan dengan perkara yang diadukan tersebut.

## 4. PELAKSANAAN POLISI

4.1

Pemberi Maklumat harus mengemukakan aduan mengenai KTW dengan niat baik dan berasaskan kepercayaan yang munasabah bahawa mana-mana warga Universiti telah melibatkan diri, sedang melibatkan diri atau bersedia untuk melibatkan diri dalam KTW yang jika terbukti menjadi suatu kesalahan tatatertib atau kesalahan jenayah.

4.2

Aduan KTW boleh dibuat oleh Pemberi Maklumat pada bila-bila masa selepas mendapat maklumat atau dokumen yang berkaitan.

4.3

Sekiranya Pemberi Maklumat pernah atau sedang terlibat dalam KTW yang diadukan oleh beliau, Pemberi Maklumat perlu membuat pendedahan dan pengakuan dengan sukarela dan beliau akan diberi pertimbangan sewajarnya oleh Universiti untuk dilindungi di bawah Polisi ini dan dikecualikan daripada peruntukan di perenggan 7 Polisi ini.

## 5. TATACARA MEMBUAT ADUAN BERHUBUNG KELAKUAN TIDAK WAJAR (KTW)

### 5.1

Pemberi Maklumat boleh membuat aduan bertulis secara rasmi kepada Unit Integriti melalui salah satu dari kaedah-kaedah berikut :

i

memuat turun Borang Aduan Integriti dalam e-community dan memasukkannya di dalam sampul dan dipalang pada sampul tersebut dengan perkataan “SULIT”; atau

ii

mengemukakan Borang Aduan Integriti melalui e-mel iaitu [integriti@umk.edu.my](mailto:integriti@umk.edu.my).

### 5.2

Aduan mengenai KTW akan disiasat berdasarkan Polisi Pengurusan Aduan oleh Unit Integriti dengan berlandaskan prinsip seseorang itu dianggap tidak bersalah sehingga dibuktikan sebaliknya. Siasatan akan dijalankan dalam keadaan memelihara serta menjaga sensitiviti dan kerahsiaan pihak-pihak terlibat.

## 6. PERLINDUNGAN

**6.1**

Setelah Pemberi Maklumat membuat aduan KTW dengan niat baik, berlandaskan sebab-sebab munasabah dan mengikut tatacara Polisi ini, Pemberi Maklumat akan dilindungi sebagaimana berikut :

i

perlindungan maklumat sulit; dan

ii

perlindungan daripada tindak balas, diskriminasi atau mana-mana tindakan yang memudaratkan akibat daripada mendedahkan KTW. Perlindungan daripada diskriminasi bermaksud, Universiti tidak boleh bertindak balas dengan mengambil ‘tindakan’ terhadap Pemberi maklumat seperti buang kerja atau penangguhan kenaikan pangkat, menyenarai hitam, menafikan hak kerja lebih masa, tindakan tatatertib, kegagalan mengambil semula bekerja dan pemberian tugas yang memberi kesan kepada prospek kenaikan pangkat dan/atau pengurangan gaji dan/atau penilaian prestasi.

**6.2**

Semua laporan berhubung KTW akan diklasifikasikan sebagai SULIT.

**6.3**

MaklumatsulitPemberiMaklumatidakbolehdidedahkan kepada mana-mana pihak kecuali pihak yang berhak untuk mengetahuinya iaitu agensi penguatkuasa dan mana-mana jawatankuasa yang ditubuhkan bertujuan untuk pengesahan dan pengesahan, siasatan dan membuat keputusan berhubung KTW tersebut.

**6.4**

Walau apapun bentuk perlindungan yang diberikan kepada Pemberi Maklumat sebagaimana yang dinyatakan dalam Polisi ini, Universiti tidak menjanjikan perlindungan yang sama terhadap mana-mana pihak di luar bidang kuasa Universiti.

**6.5**

Perlindungan kepada Pemberi Maklumat tidak akan terjejas sekiranya aduan KTW yang dibuat tidak membawa kepada suatu tindakan tatatertib atau pendakwaan di bawah mana-mana undang-undang.

## 7. PEMBATALAN PERLINDUNGAN

### 7.1

Perlindungan kepada Pemberi Maklumat akan terbatal sekiranya didapati Pemberi Maklumat dengan sengaja membuat aduan mengenai KTW suatu pernyataan material yang Pemberi Maklumat tahu dan percaya adalah palsu atau remeh atau berniat jahat atau berunsur fitnah. Universiti memandang serius mengenai perkara ini dan tindakan tatatertib atau tindakan lain sewajarnya akan diambil terhadap Pemberi Maklumat.

### 7.2

Perlindungan kepada Pemberi Maklumat juga akan terbatal sekiranya Universiti mendapat bahawa :

i

Pemberi Maklumat mendedahkan diri sebagai ‘Pemberi Maklumat’ kepada pihak lain selain Unit Integriti;

ii

Pemberi Maklumat itu sendiri telah menyertai KTW yang didedahkan itu; pendedahan KTW itu adalah remeh atau menyusahkan (frivolous and vexatious);

iii

pendedahan KTW mempersoalkan merit mengenai apa-apa dasar Universiti; atau

iv

pendedahan KTW dibuat untuk mengelak dari pada dibuang kerja atau tindakan tatatertib yang lain atau lain-lain tindakan perundangan.

## 8. PIHAK BERKUASA

Pemilik Polisi Ini	Naib Canselor
Pegawai bertanggungjawab	Ketua Unit Integriti
Diluluskan oleh	<p>Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU) Bilangan 20/2021 (Kali Ke-245) pada 17 November 2021</p> <p>Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Bilangan 1/2022 (Kali Ke-63) pada 31 Mac 2022</p>
Peraturan yang Berkuatkuasa	<ul style="list-style-type: none"><li>a. Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 [Akta 711];</li><li>b. Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [Akta 30];</li><li>c. Perlembagaan Universiti Malaysia Kelantan [P.U.(A) 462/2010];</li><li>d. Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 [Akta 605];</li><li>e. Kod Etika Universiti; dan</li><li>f. Polisi Pengurusan Aduan oleh Unit Integriti</li></ul>
Tarikh kuatkuasa	Semua aduan yang diterima selepas tarikh ini akan ditadbir oleh Polisi ini
Tarikh semakan semula	Dari semasa ke semasa mengikut keperluan berdasarkan peraturan Universiti sedia ada
Pihak yang boleh dihubungi untuk pertanyaan tentang Polisi	Unit Integriti, Pejabat Naib Canselor

